

PELUANG KERJAYA



Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut:

- Keterampilan yang baik;
- Semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan;
- Bakat kepimpinan;
- Ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan
- Kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.

**DIPLOMA
KUMPULAN
PELAKSANA**



PENOLONG PEGAWAI SYARIAH GRED LS29

PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI PULAU PINANG

Kekosongan : 1

Simpanan : 3

1. Syarat Lantikan

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) memiliki:
 - (i) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setarafnya dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred LS29: RM1,494.00); atau
 - (ii) diploma dalam bidang pengajian islam (syariah) atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred LS29: RM1,772.65).

2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Syarat Peningkatan Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Syariah adalah layak dipertimbangkan oleh Suruhanjaya ini untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Syariah Gred LS29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); atau
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

4. Keperluan Bidang (Ditetapkan oleh Jabatan)

- (a) Pengajian Islam (Syariah);
- (b) Syariah;
- (c) Syariah dan Pengajian Islam;
- (d) Syariah dan Pengurusan;
- (e) Syariah dan Undang-undang; atau
- (f) Syariah dengan Undang-undang.

5. Keperluan Tambahan

Hanya calon yang memenuhi kriteria seperti berikut yang layak memohon bagi urusan ini iaitu:

- (a) calon atau ibu/bapa calon merupakan anak negeri Pulau Pinang; atau
- (b) alamat tempat tinggal/ semasa calon di Pulau Pinang; dan
- (c) calon yang **telah memperoleh STPM/STAM/Sijil Matrikulasi KPM/Sijil/ diploma dalam bidang pengajian Islam (syariah) yang diiktiraf dan disahkan oleh senat/ jawatankuasa berkaitan pada atau sebelum tarikh tutup iklan selaras dengan syarat skim perkhidmatan.**

6. Maklumat Syarat Lantikan

Maklumat syarat lantikan/ gaji/ tugas-tugas jawatan di pautan berikut :

[https://www.spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/
diploma-stp-stpm-stam-hsc/penolong-pegawai-syariah-gred-ls29](https://www.spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/diploma-stp-stpm-stam-hsc/penolong-pegawai-syariah-gred-ls29)

Calon yang berminat dan memenuhi syarat yang ditetapkan hendaklah memohon secara dalam talian melalui Portal Rasmi Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9): <https://spa9.spa.gov.my>. Calon yang telah mendaftarkan permohonan bagi jawatan di atas **tidak perlu mendaftar semula sekiranya** permohonan **masih dalam tempoh sah laku pada tarikh tutup iklan**. Walau bagaimanapun, calon perlu memastikan pusat temu duga terdekat dikemas kini sebelum atau pada tarikh tutup iklan. Hanya permohonan calon yang diterima sebelum atau pada tarikh tutup iklan akan diproses. Tarikh tutup permohonan bagi urusan pengambilan ini adalah pada **7 Ogos 2022 (Ahad), jam 11.59 malam**.

MOHONLAH SECARA ONLINE DI



SISTEM PENDAFTARAN PEKERJAAN
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

<https://spa9.spa.gov.my/>



SPAMalaysia.gov



SPAMalaysia_gov



spa.malaysia



SPAJPM